



PEGAWAI dan anggota JKDM melafaz ikrar pada Majlis Sambutan Hari Kastam Sedunia ke-43 Tahun 2025 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Oleh Raja Noraina
Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

SINDIKET KELAB MALAM MARAH ANGGOTA KASTAM

Rumah bermandi cat merah

“Peristiwa itu tidak mematahkan semangat saya untuk terus berkhidmat,” kata Pegawai Penguat Kuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Johor Bahru, Heti Suroto.

Heti, 43, adalah antara 15 penerima Anugerah Wira Wirawati JKDM sempena Sambutan Hari Kastam Sedunia Ke-43 di Putrajaya di sini, kelmarin.

Dia pernah berdepan detik hitam apabila menerima ancaman dan ugutan oleh sindiket yang menjalankan aktiviti kelab malam sehingga rumah serta kenderaannya turut disimbah cat.

Walaupun peristiwa pada 28 Februari 2019 itu masih segar dalam ingatannya dan menyebabkannya mengalami trauma berpanjangan, ibu kepada tiga anak itu berkata, dia tetap mahu

meneruskan tugas demi menjaga keselamatan negara.

Menceritakan kejadian, katanya, semuanya berlaku apabila dia diberi tanggungjawab mengetuai operasi penguatkuasaan Lesen Rumah Awam di pusat hiburan sekitar Johor Bahru, Johor.

“Operasi berkenaan dijalankan berterusan selama dua minggu dan pelbagai tindakan diambil mengikut peruntukan undang-undang.

“Bagaimanapun, selepas dua hari selesai operasi, rumah dan kenderaan saya disimbah cat selain satu nota ugutan turut ditinggalkan suspek.

“Ketika itu saya sedang bekerja dan hanya anak-anak serta pembantu berada di rumah,” katanya dihubungi Harian Metro.

Bercerita lanjut, Heti ber-



TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof (tengah) menerima buku prestasi kastam 2024 daripada Anis Rizana (kanan) sambil diperhatikan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan (kiri). - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

kata, dia membuat laporan polis mengenai kejadian itu dan menyerahkan rekaman kamera litar tertutup (CCTV) yang menunjukkan suspek seorang lelaki tempatan.

Katanya, suspek itu ber-

sama beberapa lagi yang lain berjaya ditahan polis dan sudah dijatuhi hukuman oleh mahkamah.

Walaupun berdepan kejadian yang mengancam diri termasuk pernah disogok, namun dia meng-

anggap ia hanya cabaran kecil buat pegawai pasukan berkuasa sepertinya.

Di samping itu, dia bersyukur keluarga dan jabatannya sentiasa memberikan sokongan untuknya terus memberikan perkhid-

matan terbaik kepada masyarakat serta negara.

Sementara itu, Ketua Pengarah JKDM, Datuk Anis Rizana Mohd Zainuddin sedar bahawa cabaran dihadapi pasukannya bukan mudah, malah memerlukan pengorbanan masa dan tanggungjawab bera yang menuntut kecekalan, keberanian serta integriti tinggi.

“Namun, saya yakin bahawa semangat perjuang dan nilai kesetiaan kepada amanah yang dipikul akar terus menjadi pemacu kepada kecemerlangan JKDM.

“Jabatan amat menghargai setiap titik peluh dan jasa bakti yang dicurahkan Mereka adalah pahlawan menjaga benteng ekonomi dan keselamatan negara, katanya yang mendoakan ia diberi ganjaran oleh Allah SWT.